

10 NOV 1999

Bubar-Pembangkang

PEMBANGKANG MAHU SPR BERI TEMPOH KEMPEN MENCUKUPI

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- Suruhanjaya Pilihanraya digesa memberikan tempoh yang adil dan mencukupi bagi kempen pilihan raya akan datang.

"Suruhanjaya Pilihanraya mesti segera menunjukkan bahawa ia boleh melaksanakan mandat perlembagaannya untuk mengendalikan pilihan raya yang bebas, adil dan bersih," kata Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang pada sidang berita di bangunan Parlimen hari ini ekoran pengumuman Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa parlimen dibubar esok bagi membolehkan pilihan raya ke 10 diadakan.

Beliau juga berharap kerajaan akan membenarkan 650,000 pengundi baru untuk mengundi.

Anggota Parlimen Kubang Kerian Mohamad Sabu dari PAS berkata beliau mungkin bertanding kawasan Parlimen di Perlis.

Bila ditanya mengapa tidak di Kelantan, beliau berkata "Bukan tak mahu tapi kedudukan PAS di Kelantan sudah kuat."

Ketika ditanya negeri mana yang PAS yakin boleh tawan, beliau berkata: "Kelantan 100 peratus manakala Kedah dan Terengganu, 50-50".

Ketika ditanya pula kawasan mana yang PAS tiada harapan menang, beliau berkata, "Kalau dapat satu kerusi di Johor pun, kita akan korban 42 ekor lembu."

Ditanya kenapa 42 ekor, katanya, "Sebab PAS tunggu 42 tahun untuk mendapat sekurang-kurangnya satu kerusi di Johor."

Timbalan Presiden Parti Demokratik Malaysia (MDP) Liew Ah Kim pula berkata beliau akan mempertahankan kerusinya di Seputeh yang dimenangnya dulu sebagai calon DAP.

Bagaimanapun, kata putus akan dicapai pada mesyuarat parti itu malam ini.

Liew berkata MDP akan hanya bertanding di beberapa kawasan di Lembah Klang memandangkan ia parti baru dan peruntukan kewangan tidak mengizinkan.

Timbalan Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan) Dr Chandra Muzaffar pula meminta SPR melaksanakan kebebasannya dengan mengadakan tempoh kempen minimum tiga minggu bagi pilihan raya umum ini.

"Sejak Dr Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri pada 1981, tempoh kempen secara sistematikanya berkurangan daripada lima minggu semasa Tunku Abdul Rahman kepada tiga minggu semasa Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn kepada hanya sembilan hari semasa pemerintahan Dr Mahathir," kaanya dalam satu kenyataan di sini.

Beliau juga menggesa media cetak dan elektronik utama supaya memberikan liputan yang adil dan saksama kepada semua parti termasuk Keadilan dan parti alternatif lain yang terlibat dalam pilihan raya umum itu.

Di SEREMBAN, pengerusi DAP kebangsaan Dr Chen Man Hin ketika dihubungi berkata parti-parti pembangkang yang membentuk apa yang dipanggil Barisan Alternatif akan mengadakan perbincangan segera untuk menyelesaikan apa jua masalah di kalangan parti itu berhubung pilihan raya.

-- BERNAMA

NHD AZ NAK